CIMB Bank Berhad's Terms and Conditions Governing the CIMB Bank Debit MasterCard Activation Offer

1. The CIMB Bank Debit MasterCard Activation Offer ("Offer") will run from 1 January 2013 to 31 March 2013, both dates are inclusive ("Offer Period"). CIMB Bank Berhad ("CIMB Bank" or "Bank") reserves the right to change the duration, commencement and or expiry dates of the Offer Period upon giving adequate notice.
2. The Offer is open to all cardholders of CIMB Bank Debit MasterCard ("Debit Card") issued by the Bank, whose Debit Card has not yet been used for any retail purchase transaction as at 31 December 2012.

   (hereinafter referred to as "Eligible Cardholder(s)").
3. Under the Offer, each Eligible Cardholder will be entitled to receive 10 Bonus Points ("Bonus Points") for every RM2.00 (rounded down) spent on the first retail purchase transaction utilising the Debit Card during the Offer Period.
4. For the avoidance of doubt, the Offer will only be applicable for the first retail purchase. For subsequent retail purchases, the Eligible Cardholders entitlement to Bonus Points will be in accordance with the Bank's rewards programme under the Member Rewards Catalogue Terms and Conditions.
5. Retail purchase shall mean any local and overseas posted retail transactions via the MasterCard network utilising the Debit Card. The following transactions shall not be treated as retail purchase and shall not earn any Bonus Points:
   a. Petrol, diesel purchase transactions and any other purchase of goods and services in petrol stations;
   b. Cash withdrawals;
   c. Cash deposits;
   d. Payment of annual fees or service charges, delivery charges, cash payments, card replacement fee, dispute charges, fraud charges or any other fees, charges or penalties whether imposed by the Bank or otherwise;
   e. MEPS e-Debit transactions (PIN-based transactions);
   f. Any unposted, cancelled, void, disputed, refunded, fraudulent or unauthorised transactions.
6. Transactions in foreign currency shall be converted to Ringgit Malaysia based on the Bank's prevailing exchange rate.
7. There is no minimum spending requirement to be entitled to the Offer.
8. The Bonus Points earned under the Offer are not exchangeable for cash, credit or kind. The Eligible Cardholder is not allowed to transfer or sell their Bonus Points earned under the Offer to any other person.
9. The Bonus Points earned under the Offer shall be subject to additional terms and conditions which are separate from these terms and conditions i.e. the CIMB Bank Member Rewards Catalogue Terms and Conditions which are available at www.cimbbank.com.my.

General Terms and Conditions

10. By participating in the Offer, the Eligible Cardholder shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by the Terms & Conditions stated herein and agree that any decision of the Bank in relation to every aspect of the Offer, including but not limited to the entitlement to Bonus Points shall be final, binding and conclusive.
11. The Bank shall not be liable for any delay or failure in the transmission of the evidence of sales transaction by MasterCard, merchant or any party which may result in the disqualification of the Eligible Cardholder's participation in the Offer for any reason whatsoever.

12. The Bank shall not be held liable in any manner whatsoever for any loss or damages howsoever arising in connection with the Offer. Furthermore, the Bank shall not be liable for any default in respect of the Offer due to any act of God, war, riot, strike, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm or any event beyond the reasonable control of the Bank.

13. The Bank reserves the right to cancel, terminate or suspend the Offer upon giving adequate notice. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension of the Offer shall not entitle any of the Eligible Cardholders to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages suffered or incurred by the Eligible Cardholders as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

14. The Bank reserves the rights upon giving adequate notice to vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) ("the Amendment") any of the terms and conditions herein. Notification to Eligible Cardholders in respect of the Amendment shall be effected at the Bank's absolute discretion through any one of the following means of communication, namely, by ordinary mail to the Eligible Cardholder's last known address or by posting a notice regarding the Amendment at each of the Bank's branches or by effecting an advertisement regarding the Amendment in one newspaper of the Bank's choice, or via the Bank's website or by any other means of notification which the Bank may select and the Amendment shall be deemed as binding on the Eligible Cardholders as from the date of notification of the Amendment or from such other date as may be specified by the Bank in the notification.

15. These terms and conditions, as the same may be amended from time to time pursuant to Clause 14, shall prevail over any provisions or representations contained in any other promotional materials advertising this Offer.

16. The Bank's prevailing terms and conditions governing the use of Debit Card i.e. Terms and Conditions of CIMB Bank Debit MasterCard shall continue to apply in addition to the terms and conditions herein.

17. For information, enquiries, feedbacks and/or complaints related to the Offer, Eligible Cardholders may contact the Bank's Customer Resolution Department bearing the following address, telephone number, facsimile number and e-mail address (or bearing such other address, telephone number, facsimile number and e-mail address which the Bank may change by notification to Eligible Cardholders): *Customer Resolution Department, Level 17, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 603 26192380 / Fax: 603 26913248 / Group Email : CRU@cimb.com*.

Terma-terma dan Syarat-syarat CIMB Bank Berhad yang Mengawal Tawaran Pengaktifan CIMB Bank Debit MasterCard

1. Tawaran Pengaktifan CIMB Bank Debit MasterCard ("Tawaran") akan berlangsung dari 1 Januari 2013 sehingga 31 Mac 2013, termasuk kedua-dua tarikh tersebut ("Tempoh Tawaran"). CIMB Bank Berhad ("CIMB Bank" atau "Bank") merizab hak untuk mengubah tempoh, tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Tawaran dengan memberi notis yang mencukupi.

2. Tawaran adalah terbuka kepada semua pemegang kad CIMB Bank Debit MasterCard ("Kad Debit") yang diisukan oleh Bank yang mana Kad Debit mereka masih belum digunakan untuk apa-apa urus niaga pembelian runcit setakat 31 Disember 2012.

   (selepas ini dirujuk sebagai "Pemegang (-pemegang) Kad Layak").

3. Di bawah Tawaran ini, setiap Pemegang Kad Layak akan layak untuk menerima 10 Mata Bonus ("Mata Bonus") bagi setiap RM2.00 (digenapkan ke bawah) yang dibelanjakan untuk urus niaga pembelian runcit pertama menggunakan Kad Debit dalam Tempoh Tawaran.

4. Bagi mengelakkan keraguan, Tawaran hanya sah untuk urus niaga pembelian runcit pertama. Bagi urus niaga pembelian runcit yang berikutnya, kelayakan Pemegang Kad Layak untuk Mata Bonus adalah berdasarkan program ganjaran Bank di bawah Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Ahli.

5. Urus niaga pembelian runcit bermaksud mana-mana urus niaga runcit tempatan dan luar negara melalui rangkaian MasterCard dengan menggunakan Kad Debit. Urus niaga berikut tidak boleh dianggap sebagai urus niaga pembelian runcit dan tidak akan memperolehi sebarang Mata Bonus:

   a. Urus niaga petrol, diesel dan sebarang pembelian barangan dan perkhidmatan lain di stesen minyak;

   b. Pengeluaran tunai;

   c. Deposit tunai;

   d. Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, fi, penggantian kad, caj pertikaian, caj penipuan atau apa-apa fi lain, caj atau penalti sama ada yang dikenakan oleh Bank atau sebaliknya;

   e. Urus niaga MEPS e-Debit (urusniaga berasaskan PIN);

   f. Mana-mana urus niaga yang belum dilaksanakan atau urus niaga dibatalkan, tidak sah, dipertikaikan, dikembalikan, urus niaga penipuan atau tidak dibenarkan.

6. Urus niaga dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran semasa Bank.

7. Tiada keperluan perbelanjaan minimum untuk menikmati Tawaran.

8. Mata Bonus yang diperolehi daripada Tawaran tidak boleh ditukar kepada tunai, kredit atau seumpamanya. Pemegang Kad Layak tidak dibenarkan untuk memindah atau menjual Mata Bonus mereka yang diperolhi daripada Tawaran kepada sesiapa jua.

9. Mata Bonus yang diperolehi daripada Tawaran adalah tertakluk kepada terma dan syarat tambahan yang berasingan daripada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini iaitu Terma dan Syarat Katalog Ganjaran Ahli CIMB Bank yang boleh didapati di www.cimbbank.com.my.

Terma dan Syarat Am

10. Dengan menyertai Tawaran ini, Pemegang Kad Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini dan bersetuju bahawa apa-apa keputusan Bank berkaitan dengan setiap aspek Tawaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelayakan Mata Bonus adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

11. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kelewatan atau kegagalan dalam penghantaran bukti urus niaga jualan oleh saudagar, MasterCard, atau mana-mana pihak yang boleh mengakibatkan kehilangan kelayakan penyertaan Pemegang Kad Layak dalam Tawaran atas apa jua sebab.

12. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan walau bagaimana sekalipun timbul kaitan dengan Tawaran. Tambahan pula, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkiran berkenaan Tawaran disebabkan oleh apa-apa perbuatan Tuhan, perang, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Bank.

13. Bank merizab hak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Tawaran setelah memberi notis yang mencukupi. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Tawaran tidak akan melayakkan mana-mana Pemegang Kad Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad Layak sebagai hasil secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

14. Bank merizab hak dengan memberi notis yang mencukupi untuk mengubah (sama ada melalui penambahan, pemotongan, modifikasi, pemindaan, atau sebaliknya) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini. Makluman kepada Pemegang Kad Layak berkenaan Pindaan adalah dilaksanakan pada budi bicara mutlak Bank melalui mana-mana satu cara komunikasi berikut, iaitu, melalui pos biasa ke alamat Pemegang Kad Layak yang terakhir diketahui atau dengan menampal notis mengenai Pindaan di setiap cawangan Bank atau dengan menyiarkan iklan mengenai Pindaan dalam satu akhbar pilihan Bank, atau melalui laman web Bank atau apa-apa cara lain makluman yang boleh pilih dan Pindaan akan dianggap sebagai mengikat pada Pemegang Kad Layak dari tarikh makluman Pindaan atau dari tarikh lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank dalam makluman tersebut.

15. Terma dan syarat ini, seperti mana yang boleh dipinda dari masa ke semasa menurut Klausa 14, akan mengatasi mana-mana peruntukan atau representasi yang terkandung dalam mana-mana bahan-bahan promosi lain yang mengiklankan Tawaran ini.

16. Terma dan syarat lazim Bank yang mengawal penggunaan Kad Debit iaitu Terma dan Syarat CIMB Bank Debit MasterCard akan terus berkuatkuasa di samping terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.

17. Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Tawaran, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Customer Resolution Department di alamat, nombor telefon, nombor faksimili dan alamat e-mel berikut (atau di sebarang alamat, nombor telefon, nombor faksimili dan alamat e-mel yang mungkin diubah oleh Bank dengan memaklumkan Pemegang Kad Layak): *Customer Resolution Department, Level 17, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: 603 26192380 / Fax: 603 26913248 / Email Kumpulan: CRU@cimb.com.*